

JWP rintis penyelesaian masalah di ibu kota

MASALAH kebolehcapaian pengangkutan awam dan banjir di Kuala Lumpur menjadi fokus utama dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi Dewan Rakyat yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Tanjung Manis, Yusuf Abd Wahab, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**.

Ujar Zaliha konsep CHASE City diperkenalkan sebagai visi baru untuk Wilayah Persekutuan bertujuan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar yang bersambung baik, holistik dalam pembangunan, mudah diakses, mampan, dan menarik untuk didiami serta dilawati.

“Mesyuarat turut membincangkan inisiatif Sejahtera @ WP dan PUJI @ WP yang

merupakan kerangka untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

“Sejahtera @ WP menumpukan kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi manakala PUJI @ WP (Pengangkutan, Utiliti, Jalan dan Infrastruktur) berfokus pada peningkatan infrastruktur asas.

“Tumpuan mesyuarat juga diberikan kepada peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menyokong kesalinghubungan pengangkutan awam. Cadangan untuk memperluas dan memperkukuhkan sistem pengangkutan awam turut dibincangkan untuk memastikan ia mampu menampung pertumbuhan penduduk dan perkembangan bandar,” katanya dalam kenyataan hari ini.



MASALAH banjir kilat antara isu yang mendapat perhatian pelbagai pihak.

Zaliha berkata mesyuarat tersebut menekankan peranan River of Life (ROL) dalam menangani masalah banjir di Kuala Lumpur.

“ROL, yang pada asalnya

bertujuan untuk mengindahkan sungai-sungai di ibu kota kini dilihat berpotensi untuk menjadi alat yang berkesan dalam mengurus aliran air dan mencegah banjir sambil terus mempromosikan

keindahan dan nilai rekreasi sungai,” katanya.

Tambah Zaliha, penglibatan ketua-ketua agensi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam mesyuarat tersebut menunjukkan komitmen JWP dalam memastikan isu-isu infrastruktur dan pengangkutan menjadi keutamaan.

“Kolaborasi antara agensi-agensi ini diharapkan dapat memastikan strategi yang disusun dilaksanakan dengan efektif dan memberi manfaat kepada rakyat.

“Dengan sokongan penuh dari DBKL dan agensi-agensi JWP, diharapkan masalah kebolehcapaian pengangkutan awam dan banjir di Kuala Lumpur dapat diatasi dengan berkesan sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuhkan imej Kuala Lumpur di mata dunia,” katanya. 